



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KPWKM MENYAMBUK BAIK LANGKAH PENGUKUHAN KAWAL SELIA RUANG DIGITAL DEMI KESELAMATAN KANAK-KANAK

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyambut baik langkah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), dengan sokongan Polis Diraja Malaysia (PDRM), dalam memperkukuh kawal selia serta meningkatkan tahap keselamatan ruang digital di Malaysia. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan platform digital yang beroperasi di negara ini mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada serta melaksanakan tanggungjawab mereka dalam melindungi keselamatan pengguna, khususnya golongan rentan.

Langkah pengukuhan kawal selia ini amat signifikan dalam konteks perlindungan kanak-kanak, memandangkan mereka semakin terdedah kepada pelbagai risiko dalam talian termasuk eksploitasi seksual, penipuan, gangguan siber serta pendedahan kepada kandungan yang tidak sesuai dan berbahaya. Persekitaran digital yang lebih selamat bukan sahaja membantu melindungi kesejahteraan kanak-kanak, malah memberikan keyakinan kepada ibu bapa dan keluarga dalam membimbing penggunaan teknologi secara lebih bertanggungjawab.

Seiring dengan usaha tersebut, KPWKM akan terus melaksanakan serta memperkukuh pelbagai inisiatif perlindungan kanak-kanak yang menyeluruh, termasuk program kesedaran keselamatan dalam talian, penguatkuasaan perundangan berkaitan, serta kerjasama strategik dan bersepadu bersama MCMC, PDRM dan agensi-agensi berkaitan. Pendekatan kolaboratif ini penting bagi memastikan langkah pencegahan, pengesanan awal dan perlindungan dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Pada masa yang sama, KPWKM menegaskan bahawa perlindungan kanak-kanak merupakan tanggungjawab bersama semua pihak. Masyarakat digalakkan untuk tampil melaporkan sebarang kebimbangan atau kes berkaitan keselamatan kanak-kanak dan keluarga agar tindakan segera dapat diambil. Sebarang laporan boleh disalurkan melalui Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-261 5999 yang beroperasi 24 jam bagi memastikan bantuan dan perlindungan disampaikan tanpa kelewatan.

Usaha memperkukuh keselamatan ruang digital ini memerlukan kesedaran, kebersamaan dan komitmen berterusan daripada semua pihak demi memastikan kanak-kanak dapat membesar dalam persekitaran yang selamat, sejahtera dan terlindung, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memelihara kesejahteraan keluarga dan masyarakat secara menyeluruh.

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

15 Disember 2025